BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | 2 / 7 / 2015 | SEKSYEN | Varsiti |
| MUKA SURAT | V4 | RUANGAN | |



*Khairoddin (dua dari kiri) menyempurnakan **gimik pelancaran Kelab TaHa@U di UPNM**, sambil disaksikan Yahya (kiri).*

# TH lancar Kelab TaHa@U di UPNM

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Tabung Haji (TH) melancarkan Kelab TaHa@U di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), bertujuan memberi peluang kepada pelajar universiti itu menyertai aktiviti bermanfaat TH bersama-sama BH.

Timbalan Pengarah TH Selangor, Khairoddin Ahmad, berkata pelancaran kelab itu diadakan selepas TH dimaklumkan pihak pengurusan UPNM bahawa 88 peratus pelajarnya memiliki akaun TH.

"Dengan adanya kelab ini, setiap pemegang akaun TH dalam kalangan pelajar UPNM secara automatik menjadi ahli Kelab TaHa@U, sekali gus berpeluang me-nyertai aktiviti bermanfaat kami.

"Pembabitan pelajar dalam kelab ini juga turut membolehkan TH mengenal pasti kebolehan dan bakat mereka untuk diketengahkan dalam program dianjurkan TH kelak," katanya pada majlis pelancaran Kelab TaHa@U UPNM di Bangunan Bestari UPNM di sini, baru-baru ini.

## Minat menabung

Yang turut hadir ialah Pengawai Hal Ehwal Islam UPNM, Yahya Abu Bakar.

Khairoddin berkata, Kelab TaHa@U turut memainkan peranan untuk menanam minat menabung dalam kalangan pelajar selain melahirkan generasi berkepemimpinan dan menggalakkan minat menunaikan ibadat haji pada usia muda.

Katanya, kelab juga mampu menarik pelajar untuk aktif menyertai aktiviti luar seperti sukan dan riadah, kem ibadah, sukarelawan dan peraduan anjuran BH.

"Ahli kelab juga boleh mengikuti program mentor mentee antara pelajar universiti dan sekolah, program kemasyarakatan serta menikmati diskaun istimewa di lebih 200 rangkaian rakan sekolah di seluruh negara.

"Program Skim Latihan Graduan dan peluang latihan amali turut ditawarkan kepada mana-mana ahli yang layak," katanya.

> "PEMBABITAN PELAJAR DALAM KELAB INI JUGA TURUT MEMBOLEHKAN TH MENGENAL PASTI KEBOLEHAN DAN BAKAT MEREKA UNTUK DIKETENGAHKAN DALAM PROGRAM DIANJURKAN TH KELAK"
>
> *Khairoddin Ahmad, Timbalan Pengarah TH Selangor*